

SISWI UUM JALIN MUHIBAH DI KELANTAN

Am
26/6/05 48:1



BUM... peserta program Muhibah 'De' Kelantan bergambar kenangan.



MOTIVASI... aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) memberi banyak pengalaman baru dan pendedahan mengenai perkara berkaitan usaha mencapai kejayaan dalam hidup.

KEBIASAANNYA program yang dianjurkan untuk mengisi cuti semester sering mengghusus kepada satu bentuk program.

Bagaimanapun, bagi sekumpulan pelajar yang menganggotai Jawatan-kuasa Perwakilan Pelajar Kolej (JPPK), Kolej Kediaman Bank Muamalat, Universiti Utara Malaysia (UUM), mereka mencipta kelayakan apabila melaksanakan lebih daripada satu program dalam lima hari.

Dalam program yang dinamakan Jalinan Muhibah 'De' Kelantan itu, mereka bukan saja melaksanakan program berbentuk kemasyarakatan, malah memperoleh 'manfaat berganda' apabila berpeluang melawat tempat menarik sekitar negeri Che Siti Wan Kembang itu.

Mereka juga mencapai kata sepakat mengenai program yang bakal dilaksanakan pada semester depan menerusi program 'mesyuarat dan perbincangan' di tempat penginapan pada sebelah malam.

Seramai sembilan penuntut terabit dengan program itu, manakala lima yang lain membabitkan kakitangan kolej, termasuk timbalan

sesi ceramah, motivasi, Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan sukaneka," katanya.

Noor Azma berkata, peserta terhibur dengan gelagat penghuni rumah berkenaan yang membabitkan pelajar berusia 10 hingga 17 tahun.

"Hari pertama program berakhir dengan sedih apabila melihat ada penghuni rumah itu mengalirkan air mata kerana berat melepaskan kami pergi dan mahu kami datang lagi pada masa depan.

"Selepas selesai program pertama, pada sebelah malam, semua JPPK mengadakan mesyuarat untuk meneguhkan nalasti program terbaik yang perlu dilaksanakan pada semester depan," katanya.

Noor Azma berkata, sepanjang di Kelantan, setiap malam mereka bermesyuarat dan pada hari terakhir dapat mencapai kata sepakat untuk melaksanakan beberapa program yang dicadangkan pada semester depan.

"Kami juga berpeluang melawat Wat Siam, Pengkalan Kubor, Razali Batik, Muzium Adat Istiadat, Pasar Siti Khadijah dan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB)," katanya.

Sementara itu, Setiausaha program, Siti Aishah Seman, 23, berkata peserta memperoleh banyak manfaat menerusi program yang diatur sepanjang di Kelantan.

"Kami bukan saja dapat mencurahkan bakti, tetapi pada masa sama memperoleh banyak pengetahuan. Yang pasti, meskipun terpaksa mengorbankan sebahagian cuti semester, kami puas apabila berjaya melakukan lebih daripada satu program ketika mengunjungi Kelantan," katanya yang turut memegang jawatan Yang Dipertua JPPK Kolej Bank Muamalat UUM.

UUM/SA48/Am/
26.06.2005/p: 48(1)